

BAB V

PENUTUP

BAB V

PENUTUP

5.1. Kesimpulan Umum

Setelah menjalankan kajian dengan teliti pada Bab-bab terdahulu, maka pada Bab ini pengkaji membuat beberapa penemuan yang menjadi kesimpulan umum dalam kajian ini. Antaranya:

5.1.1. Kerajaan Islam di Aceh telah wujud ribuan tahun yang lalu. Mengikut catatan sejarah. Ianya bermula sejak berdiri kerajaan Perlak tahun 840 M hingga berakhirnya kerajaan Aceh Darussalam pada tahun 1939 M Dengan demikian ia telah mencapai usia yang cukup lama iaitu sepuluh abad lebih atau 1009 tahun. Dari fakta ini menegaskan kerajaan Islam di Aceh berakhir pada 1939 bukannya pada tahun 1904 M sebagai mana yang didakwa oleh sebahagian ahli sejarah. Kerajaan Aceh Darussalam adalah hasil evolusi daripada kerajaan-kerajaan Islam sebelumnya. Ia juga merupakan kerajaan Islam penutup atau terakhir yang pernah wujud di bumi Aceh..

5.1.2. Berpedoman pada catatan sejarah bahawa dasar hukum dalam kerajaan Aceh ialah *Kanun Meukuta Alam al-Asyi* yang bersumberkan kepada Al-Quran, Hadis, Ijmak, dan Qias. Dalam pentadbiran kerajaan Aceh, ulama' dan pemerintah berkerjasama dan bersatupadu dalam segala aspek kehidupan dan dalam apa jua keadaannya. Peranan Sultan dalam kerajaan sama dengan peranan ulama', begitu juga dengan peranan ulama' sama dengan Sultan.

5.1.3. Bahawa kerajaan Islam pertama di Asia Tenggara atau Nusantara terletak di Aceh, kerana ia merupakan tempat awal bertapaknya agama Islam di Nusantara. Kerajaan Islam tertua di Asia Tenggara ialah kerajaan Islam Perlak yang didirikan pada tahun 840 M, dengan Rajanya yang pertama Sultan 'Alaiddin Maulana Sayid 'Abdul Aziz Syah (840-865 M). Pusat pemerintahannya di Bandar Khalifah, Perlak Aceh Timur. Fakta ini dibuktikan apabila tidak dijumpai kerajaan Islam lain di Nusantara sebelumnya atau yang lebih tua daripada kerajaan Islam Perlak.

5.1.4. Bahawa perjalanan sejarah kerajaan Islam di Aceh mulai daripada kerajaan Perlak hingga kerajaan Aceh Darussalam terbagi kepada tiga peringkat, iaitu:

- i. Peringkat permulaan, iaitu masa kerajaan Islam Perlak yang lokasinya terletak di Bandar Khalifah, Aceh Timur.
- ii. Peringkat perkembangan, iaitu masa kerajaan Islam Pasai terletak di Samudera Geudong, kecamatan Syamtalira Bayu Aceh Utara.
- iii. Peringkat perkembangan dan kebesaran, iaitu era kerajaan Aceh Darussalam yang puncak kebesarannya ialah pada masa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636 M).

5.2. Kesimpulan Khusus

5.2.1. Berdasarkan analisis ini menunjukkan kerajaan Pasai yang terletak di Geudong, kecamatan Syamtalira Bayu, Aceh Utara, merupakan kerajaan Islam

kedua yang muncul di Aceh bahkan di Asia Tenggara. Ia ditubuhkan pada tahun 433 H bersamaan tahun 1042 M. Pengasasnya adalah Meurah Khir atau Meurah Giri bergelar Maharaja Mahmud Syah yang memerintah 433-470 H/1042-1078 M. Meskipun terdapat kemungkinan bahawa Islam di Pasai telah wujud selari dengan di Perlak. Namun kemunculannya menjadi sebuah kerajaan Islam setelah ia lebih 200 tahun bertapak di Perlak.

5.2.2. Adapun Sultan Malik al-Salih (659-688 H/1261-1289 M) adalah seorang Raja paling terkenal dalam sejarah Pasai dan mendapat perhatian meluas di kalangan penulis sejarah, tetapi Baginda bukanlah Raja pertama. Selain daripada itu Meurah Silu yang bergelar Malik al-Saleh tersebut bukanlah seorang Hindu yang diislamkan oleh Syarif Mekkah, dan kemudian dilantik menjadi Raja Pasai. Tetapi beliau adalah seorang Muslim sejati keturunan dari Meurah Perlak yang Islam.

5.2.3. Berlandaskan kepada kajian yang telah dijalankan didapati beberapa penemuan penting yang mendorong kepada perkembangan dan kebesaran kerajaan-kerajaan Islam di Aceh amnya dan Aceh Darussalam khasnya. Terdapat tiga faktor utama dalam kemajuannya iaitu faktor agama (Islam), ekonomi, politik dan ketenteraan. Kesemua faktor ini tercermin pada keyakinan Sultan bahawa jiwa yang kuat kerana agama, ekonomi yang kuat kerana hasil bumi, pertahanan yang kuat kerana senjata.

5.2.4. Berdasarkan hasil penyelidikan ini pula, dapat dikesan beberapa faktor penting yang menyebabkan kepada kemerosotan kerajaan-kerajaan Islam di Aceh.

Dalam hal ini samada kerajaan Aceh Darussalam mahupun kerajaan Islam sebelumnya. Yang menjadi faktor penting dan penyebab utama kemerosotan ialah perpecahan politik dalam, perang, serta pudarnya semangat patriotisme.

5.2.5. Perang adalah penghancuran bangsa, dengan perang pula dapat meruntuhkan sebuah tamadun manusia dan kerajaan. Adapun krisis politik dalam akan memberikan kesan yang negatif dalam kerajaan. Ia juga menjadi efek kepada kemelesetan ekonomi negara. Faktor pudar semangat kebangsaan pula akan menjadi individu rakyat hilang identitinya. Apabila rakyat dalam sebuah kerajaan sudah hilang identitinya maka kerajaan akan hilang kredibilitinya.

5.3. Cadangan

Berpedoman kepada proses kajian ini dan berdasarkan kepada kesimpulan di atas, pengkaji cuba meletakkan beberapa cadangan bagi kajian sejarah selanjutnya:

5.3.1. Projek kajian sejarah hendaklah dijadikan sebagai salah satu projek nasional dan antarabangsa. Sebab sejarah merupakan saksi yang paling jelas dalam melihat kemajuan dan kemudurran sesebuah tamadun bangsa.

5.3.2. Penyelidikan sejarah perlu dipertingkatkan hingga mencapai objektifnya yang tepat iaitu meningkatkan semangat kebangsaan yang tinggi di kalangan rakyat. Ilmu sejarah tidak bersifat statik, oleh kerana itu sumber primer tidak

hanya dilihat kepada naskah yang telah ditulis ratusan tahun yang lalu, tetapi penemuan baru seperti kajian berdasarkan arkeologi, penemuan baru di lapangan dapat dijadikan sebagai salah satu fakta bagi sumber primer.

5.3.3. Kajian sejarah hendaknya dapat dijadikan sebagai satu disiplin ilmu pengetahuan di tingkat nasional. Ia bertujuan untuk menanamkan jiwa sejarah dalam individu rakyat sesebuah negara. Bangsa yang besar ialah bangsa yang mengetahui sejarah bangsanya sendiri. Hampir semua aspek kehidupan manusia tak luput daripada peristiwa sejarah.

5.3.4. Perlu mewujudkan sebuah Akademi Sejarah yang bertaraf antarabangsa. Lembaga tersebut perlu menetapkan teori-teori baru sebagai panduan dalam penelitian sejarah pada kajian selanjutnya. Penyelidikan sejarah mesti bersifat dinamik agar ia dapat dihindari daripada unsur-unsur ghibah dalam penulisan sejarah.

5.3.5. Perlu bagi kerajaan Aceh khasnya untuk menjadikan subjek sejarah dan tamadun Islam yang berkaitan dengan sejarah Aceh sebagai subjek teras dalam kurikulum pendidikan, dan ia diterapkan pada semua peringkat samada sekolah kerajaan, swasta, pondok pesantren mahupun universiti. Ia bertujuan untuk mengembalikan semula semangat patriotisme rakyat Aceh yang sudah semakin pudar. Selain itu kerajaan Aceh perlu mewujudkan badan penjagaan warisan sejarah Aceh di semua wilayahnya.

5.4. Kata Penutup

Akhir kata pengkaji menaruh harapan yang tinggi semoga hasil penelitian ini dapat dijadikan sebagai rujukan ilmiah, terutama dalam bidang sejarah dan tamadun Islam amnya dan sejarah Nusantara khasnya. Semoga kajian ini menjadi satu usaha yang berguna bagi membantu kajian selanjutnya. Syukur kepada yang Maha Kuasa, Disertasi ini dapat diselesaikan seperti mana yang ada sekarang.